

BAB 5

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 PENDAHULUAN

Bagi melengkapkan kajian ini, penulis akan merumuskan keseluruhan dapatan kajian terhadap penguasaan pengajian Qira'at secara dalam talian di MEDIIU. Di dalam bab ini, penulis akan membincangkan tentang rumusan dan cadangan yang memberi sumbangan terhadap institusi-institusi pengajian tinggi, pihak kerajaan dan anggota swasta yang berkenaan.

Penulis juga akan memberi saranan dan cadangan terhadap pihak-pihak yang berkenaan bagi mencapai matlamat dan objektif penubuhan sesebuah institusi pengajian tinggi.

5.2 RUMUSAN KAJIAN

Berdasarkan data-data yang diperolehi penulis sepanjang penyelidikan dijalankan, penulis dapat membuat rumusan terhadap tahap penguasaan pengajian Qira'at dengan menggunakan kaedah pembelajaran maya yang pertama kali diadakan di Malaysia. Kaedah pengajian yang dijalankan amat menggalakkan mana-mana individu yang ingin melanjutkan pengajian mereka. Dalam hal ini, tiada limitasi umur dan

bangsa disyaratkan kerana MEDIIU membuka pintu kepada sesiapa sahaja yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Tambahan pula, setiap pelajar yang ingin melanjutkan pengajian khususnya dalam bidang Pengajian Islam diwajibkan untuk menyertai kursus Bahasa Arab. Ini menunjukkan keperihatinan pihak MEDIIU terhadap para pelajar untuk mengetahui Bahasa Arab terlebih dahulu sebelum memulakan sesi tutorial. Ini disebabkan tenaga pengajar dan bahan-bahan pendidikan di dalam Bahasa Arab sepenuhnya. Oleh itu, ia memudahkan para pelajar untuk menguasai sesebuah matapelajaran dan mampu belajar secara sendiri.

Program pengajian bagi Ijazah Sarjana Muda Sains Al-Quran membentuk program yang bersifat lengkap kerana para pelajar akan didedahkan kepada semua jenis ilmu-ilmu yang berkaitan dengan Al-Quran seperti Tafsir, Qira'āt, Ulūm Al-Quran, Rasm dan sebagainya. Dengan itu, pelajar bukan sahaja menguasai satu sudut sahaja malah dari sudut lain juga mereka mampu menguasai. Bagi peringkat Ijazah Sarjana pula, program pengajian lebih mengkhususkan bidang yang ingin diambil dan ini membuat pelajar boleh membuat pilihan terhadap kecenderungan mereka. Berdasarkan pemerhatian penulis, sukatan mata pelajaran pengajian Qira'āt bagi peringkat Ijazah Sarjana dan PhD merupakan sukatan yang menggalakkan pelajar untuk mendalami ilmu Qira'āt. Ini jelas bahawa MEDIIU benar-benar menjalani objektif utama mereka dalam usaha menjadikan sesebuah individu pakar dalam bidang yang diambil.

Dari segi alat kelengkapan belajar pula, MEDIIU menyediakan pelbagai jenis alat bantu belajar untuk menggalakkan dan membantu pelajar dalam menguasai sesuatu bidang. Kelengkapan yang diberikan bukan sahaja boleh dibaca di dalam perpustakaan malah di mana sahaja mereka boleh mengaplikasikannya. Secara tidak langsung budaya membaca dan cintakan ilmu dapat dipupuk.

Walaupun bagaimanapun, program pengajian secara dalam talian di MEDIIU perlu dipertingkatkan agar kesan positif terhadap pelajar dapat dilihat terutama dalam bidang Qira'at. Ini disebabkan Qira'at lebih menjurus kepada talaqqi dan bersemuka. Penulis dapat lihat bahawa walaupun latihan bacaan Qira'at dilakukan secara dalam talian, pelajar MEDIIU masih mampu menguasainya walaupun pada tahun akhir. Ini menunjukkan MEDIIU berjaya mengasah pelajar menggunakan pendekatan teori terlebih dahulu sebelum memulakan praktikal.

5.3 SARANAN DAN CADANGAN

Berdasarkan kajian yang dijalankan, penulis ingin mengemukakan beberapa cadangan dan saranan bagi meningkatkan prestasi dan pelaksanaan sistem pengajaran dan pembelajaran MEDIIU. Saranan dan cadangan yang pertama adalah merujuk kepada pihak pentadbiran. Pihak pentadbiran perlulah mengambil berat tentang peruntukan masa yang diberikan kepada pelajar untuk mengikuti pengajian Qira'at amali kerana masa yang diberikan terlalu terhad. Seperti yang dijelaskan di dalam bab 2, subjek Qira'at amali hanya dipraktikkan lapan jam mata kredit sahaja pada tahun empat di semester pertama dan kedua. Oleh kerana kekangan waktu, hal ini menyebabkan pelajar

tidak puas untuk mempraktikkan bacaan mereka. Walaubagaimanapun, manhaj-manhaj Qira'āt telah mereka fahami terlebih dahulu.

Selain itu, pensyarah-pensyarah bidang Qira'āt perlulah diperbanyakkan bagi rujukan pelajar. '*Educational materials*' juga memainkan peranan penting agar pelajar mampu menguasai subjek Qira'āt. Oleh itu, '*educational materials*' hendaklah dibaikpulihkan lagi penghasilannya agar penerangan dan penjelasan berkaitan dengan matapelajaran Qira'āt khususnya dalam bab manhaj-manhaj Qira'āt lebih terperinci dan jelas. Pada pendapat penulis, '*educational materials*' perlu dibaikpulih kerana ia menggunakan medium perantaraan Bahasa Arab sepenuhnya. Tambahan pula pelajar-pelajar MEDIIU dari berlainan negara dan penguasaan Bahasa Arab mereka masih di peringkat sederhana dan perlu diasah lagi. Selain itu, pihak pengurusan akademik hendaklah menambah bahan-bahan rujukan seperti tesis-tesis dan kertas-kertas persidangan di perpustakaan.

Penerangan yang jelas dari pensyarah amatlah penting agar pelajar lebih memahami matapelajaran yang disampaikan dengan dilengkapi '*educational materials*'. Seperti mana yang dinyatakan oleh Dewey (1902) menentukan tiga faktor asas kriteria pemilihan dalam membentuk polisi dan matlamat kurikulum iaitu; (1) Pelajar, (2) Matapelajaran dan (3) Masyarakat. Begitu juga pendapat yang dikemukakan oleh Schubert (1986) menfokuskan tiga asas yang diperlukan dalam proses perancangan kurikulum iaitu; (1) Keperluan pelajar, (2) Keperluan sosial dan (3) Disiplin ilmu itu

sendiri¹⁴⁴. Selain itu, pihak pentadbiran perlulah menggunakan alternatif-alternatif lain yang lebih efektif terhadap pengajian Qira'at untuk menarik minat para pelajar.

Etika kerja adalah di antara nilai-nilai yang dapat dianggap penting dalam pengurusan sesebuah organisasi. Pengamalan etika kerja bukan sahaja dapat mengekal dan memelihara kepercayaan yang diberi dalam menjalankan tugas, malah dapat memupuk tanggungjawab bersama¹⁴⁵. Oleh itu, pengurusan dan pengendalian pihak MEDIIU haruslah dijana ke arah nilai-nilai positif. Pihak universiti juga hendaklah mematuhi segala peruntukan masa dan jadual yang telah ditetapkan oleh MEDIIU. Di samping itu, sebarang pemberitahuan berkenaan dengan status pelajar, pembaikpulihan sistem dan pembetulan jadual perlulah diberitahu segera. Sistem bagi sesi pembelajaran secara dalam talian turut diselenggara dengan segera dan memastikan dalam keadaan baik sebelum sesi tutorial bermula. Selain itu, kemahiran dalam komputer, berbahasa Inggeris dan Arab wajiblah dikuasai oleh pekerja agar perjalanan kerja menjadi lebih ringan.

Seterusnya, penulis ingin memberi saranan kepada para pelajar MEDIIU agar bergaul dan cuba bertukar-tukar pendapat dengan para pelajar dari universiti-universiti lain. Ini dapat menambahkan pengetahuan tentang cara pembelajaran luar dari kampus MEDIIU. Di samping itu, pelajar-pelajar MEDIIU dapat melihat metode penulisan disertasi universiti-universiti luar dengan meningkatkan pembacaan tesis-tesis, jurnal dan kertas-kertas persidangan mereka.

¹⁴⁴ Saedah Siraj, *Kurikulum Masa Depan* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2008), h.6.

¹⁴⁵ Mohd. Taip b. Salleh, Zakaria b. Ahmad, Syed Zulfida b. Syed Md. Noor, *Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam* (Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara), h.49.

Berdasarkan kajian dan pemerhatian Prof.Dr. Saedah Siraj terhadap perkembangan dunia masa kini dan implikasinya kepada perkembangan Malaysia pada masa hadapan, beliau dapat merumuskan bidang yang perlu diutamakan adalah kurikulum dan pendekatan pengajaran-pembelajaran. Antaranya mengintegrasikan sepenuhnya kurikulum dan pendekatan pengajaran-pembelajaran *Mutiple-dimensional competencies, Ethical and Religious-based competencies, Futuristic-based competencies, Space school* dan sebagainya. Selain jaringan jalur lebar diberi penekanan, beliau berpendapat teknologi tanpa wayar khususnya Pendekatan Pembelajaran Mobile atau mLearning perlu diberi tumpuan¹⁴⁶. Oleh itu, kerjasama semua pihak iaitu dari pihak kerajaan, swasta dan yang berkaitan amatlah diperlukan bagi memartabatkan pengajian Qira'at di Malaysia menerusi dalam talian.

Selain itu, matapelajaran Qira'at juga perlu diperkenalkan di mana-mana Institusi Pengajian Tinggi Awam agar mahasiswa dan mahasiswi yang mengikuti program Pengajian Islam dapat mengetahui akan kewujudan subjek tersebut. Malah, para pelajar dapat mempelajari dan mempraktikkan pelbagai jenis metode bacaan. Hal ini membuatkan ilmu Qira'at tidak lenyap di mata masyarakat Malaysia di samping memartabatkan ilmu Qira'at. Pergolakan politik di Mesir baru-baru ini membuatkan ramai pelajar dari Universiti Al-Azhar terpaksa pulang ke tanah air. Oleh itu, MEDIU memberi peluang kepada para pelajar menyambung pengajian tinggi di MEDIU

¹⁴⁶ Saedah Siraj, *Kurikulum Masa Depan* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2008), h.133-134.

bermula pada 17 hingga 20 September 2013 dan ini telah mendapat persetujuan dari Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia¹⁴⁷.

Selain itu, Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam yang menawarkan program Ijazah Sarjana bagi calon yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Qira'āt disarankan agar mengadakan program khas Ijazah Sarjana Qira'āt agar calon-calon dapat mendalami pengajian yang telah mereka usai di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Sukatan matapelajaran boleh diambil contoh dari MEDIIU kerana MEDIIU menjalankan program khas bagi pengajian Qira'āt di peringkat Ijazah Sarjana dan PhD. Di samping itu, MQA telah pun meluluskan akreditasi pengajian Qira'āt di peringkat Ijazah Sarjana bagi struktur C.

Tambahan pula, dengan adanya kemudahan pengajian di Malaysia seperti MEDIIU, ia menggalakkan jumlah kemasukkan pelancong dari Timur Tengah. Ini bertepatan dengan usaha kerajaan dalam menjadikan Malaysia sebagai pusat pengajian kepada warga Timur Tengah¹⁴⁸.

¹⁴⁷ Pendaftaran Pelajar Al-Azhar Hari Ini, Berita Dalam Negeri, Utusan Melayu, 17 September 2013.

¹⁴⁸ Zulkifli Ibrahim, *The Travelling Pattern And The Preferences/ Inclination Of The Arab Tourists Towards Hotel Products And Services*, (Disertasi UiTM, 2007), h.77.